

Pupuk perpaduan seawal usia kanak-kanak

BB ms 38

18/09/2019

Detik 16 September adalah permualaan penting dalam sejarah negara ini.

Daripada hanya Semenanjung Tanah Melayu dan masyarakat Melayu, Cina serta India sebagai teras asasnya, Malaysia muncul sebagai sebuah gagasan yang inklusif, dengan meraikan penduduk Sabah dan Sarawak daripada pelbagai latar belakang, membentuk sebuah negara baharu yang kita warisi bernama Malaysia.

Tarikh bersejarah ini mengingatkan kita kepada pengisytiharan dilafazkan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, selaku Bapa Kemerdekaan kita.

Beliau mengharapkan Malaysia kekal menjadi negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berasaskan kebebasan dan keadilan, selain sentiasa mempertahankan dan memelihara keamanan, kemesraan umatnya antara segala bangsa di dunia ini.

Sambutan Hari Malaysia adalah detik terbaik untuk kita sebagai rakyatnya memperbaharui tekad dan meningkatkan usaha untuk sama memimpin negara agar terus maju ke hadapan dan mampu berdiri sama tinggi dengan negara lain pada masa akan datang.

Pada usia Malaysia menjangkaui lima dekad, rakyat terbukti mampu hidup saling kenal me-

ngenal, memahami antara satu sama lain serta berganding bahu mencorakkan sejarah gemilang yang memartabatkan nama Malaysia sebagai teladan keharmonian hidup masyarakat majmuk.

Kenyataan ini perlu dihayati serta disemaikan seawal usia kanak-kanak.

"Keluarga mempunyai peranan yang sangat penting untuk membina perspektif positif terhadap persekitaran kanak-kanak agar mereka menghargai kemajumkan yang menjadi latar utama negara kita.

Perspektif ini perlu disusuli rasa hormat serta menghargai kepelbagaiannya antara bangsa serta agama. Ibu bapa serta setiap la-

pisan masyarakat mempunyai peranan sangat penting dengan memupuk interaksi sosial ini agar berjalan secara positif.

Apa yang lebih penting adalah setiap rakyat Malaysia perlu mempunyai inisiatif untuk meneroka dan lebih terbuka untuk bersosial dengan orang yang berbeza dengan latarnya.

Bermula daripada titik ini, perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia akan menjadi lebih teguh mulai akar umbi.

Mohamad Raimi Ab Rahim
Presiden Angkatan Belia Islam
Malaysia (ABIM)